

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9772232157005

KEM MOTIVASI DAN PEMANTAPAN AKADEMIK PELAJAR

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang holistik dan mantap spiritual, penganjur program yang mampu untuk meningkatkan motivasi pelajar perlu dilaksanakan. Penganjur Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik Pelajar adalah pendekatan yang diambil oleh Persatuan *D'Planters' Guild* bagi menghasilkan pelajar yang cemerlang secara holistik dan seimbang dalam segenap aspek. Program ini telah berlangsung pad 5 Mei 2018 di Dewan Sri Balau, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah seawal jam 7.00 pagi.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip, selaku Ketua Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi. Turut hadir adalah Encik Mohamad Musa bin Bohari, Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan serta pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi dan Fakulti Sains Gunaan. Program ini melibatkan semua 249 pelajar dari program Diploma Pengurusan Ladang. Seramai empat orang penceramah telah dijemput. Dr. Sharifah Raina binti Manaf, pensyarah kanan dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah dijemput bagi memenuhi slot "Motivational Talk". Alumni jemputan, Encik Mohd Hafiz bin Abdullah, telah dijemput bagi menyampaikan ceramah yang bertajuk "Bagaimana Untuk Menjadi Pelajar Cemerlang?". Beliau pernah mendapat Anugerah Pelajar Terbaik UiTM Cawangan Sarawak dan dijemput khas untuk berkongsi pengalaman beliau bersama peserta.

Puan Siti Hazerah binti Bolhi, yang sedang berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir di Pejabat Residen Mukah juga telah dijemput untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk "Jangkaan Agensi Kerajaan Terhadap Graduan". Alumni jemputan kedua, iaitu Encik Rosli bin Ismail, Assistant Manager Setuan Plantations Sdn. Bhd. juga telah dijemput bagi sesi "Perkongsian Pengalaman Sebagai Planters".

Terdapat juga beberapa aktiviti lain yang diselitkan sepanjang program ini berlangsung selain dari objektif utama program iaitu untuk memberi kesedaran serta mencabar diri peserta agar menjadi graduan yang holistic yang lengkap dan berkemahiran serta kekal relevan, sekali gus menjadi modal insan utama untuk membantu dalam kemajuan negara pada masa hadapan.



Kem Kepimpinan PEERS 2018

Oleh: Faizul Bin Adenan

Kelab PEERS Kampus Mukah dengan kerjasama Kelab PEERS Kampus Samarahan telah bersama-sama menjalankan Kem Kepimpinan PEERS 2018 di Kampus Mukah pada 30 Mac hingga 1 April 2018. Seramai 25 orang peserta dari Kampus Samarahan dan 25 orang peserta dari Kampus Mukah telah sama-sama hadir dalam menjayakan program ini. Dua Pegawai Pengiring dari Kampus Samarahan, Puan Shafiza Salleh dan Puan Khyrol Etty Abd Hamid telah turut hadir untuk sama-sama menjayakan program ini. Program ini memberi impak yang besar kepada kedua-dua kampus kerana jalinan kerjasama ini telah membuahkan idea dan cadangan yang bernas bagi merangka program yang akan datang.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**